

SLU YDP PIBG bersama Pengarah Pendidikan Labuan



Labuan, 12 Mac 2026 – Satu sesi libat urus YDP PIBG bersama-sama Pengarah Pendidikan Labuan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Botanikal. Kehadiran terdiri daripada YDP PIBG (Kolej Vokasional Labuan, Sekolah Menengah, Sekolah Rendah dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) atau wakil masing-masing dan SLU dipengerusikan oleh YBrs. Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Labuan.

Perbincangan menumpukan kepada hala tuju Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035. Selain itu, SLU turut membincangkan pemilihan Pengerusi dan Setiausaha YDP PIBG bagi memastikan penyelarasan dan kelancaran pengurusan di peringkat sekolah.

SLU ini juga membincangkan penubuhan Taskforce RPM yang bertujuan bagi memastikan pelaksanaan program yang tersusun dan berkesan.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Tuan Haji Sawal bin Haji Salleh, Timbalan Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Secara keseluruhan, sesi libat urus ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)

[#tahuninitahunkita](#)







